

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8 AUGUST 2016

'Perkukuh institusi presiden, parti'

TAMAJES
BH - 8/8/2016

➔ Najib ingatkan pemimpin tak khianati UMNO demi masa depan

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim, Shamsul Kamal Amarudin dan Shaarani Ismail
bhnews@bh.com.my

► Seri Manjung

Datuk Seri Najib Razak menegaskan kedudukannya sebagai Presiden UMNO ditentukan oleh lebih tiga juta ahli parti dan bukannya Tun Dr Mahathir Mohamad atau sesiapa yang lain.

Perdana Menteri berkata, kedudukannya sebagai Presiden UM-

NO bukan ditentukan oleh Dr Mahathir atau sesiapa.

"Saya bertanggungjawab kepada tuan-tuan dan puan-puan (ahli UMNO) semua, tiga juta lebih ahli UMNO menentukan sama ada saya kekal sebagai presiden parti.

"Apabila ada Pilihan Raya Kecil (PRK) (Sungai Besar dan Kuala Kangsar), bukan main ego lagi (mengatakan) kita mahu menjadikannya sebagai referendum kepada kepimpinan Datuk Najib, (itu yang) Dr Mahathir kata. Akhirnya, ia jadi referendum lonjakan majoriti menyokong Barisan Nasional (BN).

"Malah, undi bertambah, undi orang Cina bertambah, (undi) orang India bertambah. Ini menunjukkan mereka yakin kepada UMNO dan BN, sampai calon kita tidak keluar berkempen pun menang juga... dalam edah tidak boleh berkempen buat video sahaja, anak yang turun (berkempen), tidak pernah (berlaku) dalam sejarah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Lumut di Dewan Merdeka di sini, petang semalam. Yang hadir sama, Menteri Besar Perak yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Kukuhkan parti

Sementara itu, berucap merasmikan serentak Mesyuarat Perwakilan UMNO Bukit Gantang, Taiping, Baglan Serai dan Parit Buntar di Kamunting, pada sebelah pagi, Najib meminta ahli dan pemimpin UMNO menjaga dan memperkukuhkan institusi presiden serta parti.

Katanya, UMNO tidak sepatutnya dirosakkan dan diperlekehkan kerana parti itu bukan setakat sebuah parti politik, malah sebuah institusi tempat orang Melayu bergantung harap dan berpaut dalam mencapai perjuangan mereka.

"Peringatan ini bukan untuk menjaga saya, tetapi kebaikan par-

ti kerana hanya selagi UMNO berkuasa dan kepemimpinannya teguh, perjuangan dan impian masa depan orang Melayu serta negara akan tercapai.

"Sebab itu kena jaga parti, jaga institusi presiden parti, bukan jaga Najib. Saya berterima kasih walaupun ada yang kata 'hidup Najib', *I love PM* (saya sayang PM), tapi lebih daripada itu bukan saya, (tapi) *u love me as the president of UMNO* (awak sayang saya sebagai Presiden UMNO).

"Institusi ini akan melewati saya, satu hari nanti pengganti saya akan ambil alih, tapi kalau kita dah rosakkan institusi presiden, parti akan jadi lemah. Kalau parti lemah siapa yang akan jadi ketua untuk membawa kita ke hadapan," katanya.

Sokongan tak berbelah bahagi

Pada majlis itu lebih 3,000 perwakilan dan pemerhati diketuai Zambry berdiri sebagai tanda sokongan tidak berbelah bahagi ke-

pada kepemimpinan Najib.

Najib juga mengingatkan ahli dan pemimpin ada cara dan batasan dalam menyatakan perbezaan pendapat, namun kesal apabila ada bekas pemimpin parti, bukan sahaja mengkhianati UMNO, malah menyimpang daripada prinsip moraliti politik.

"Kita (bekas pemimpin UMNO) dulu orang dok mengatakan kita. Dia dah ludah muka kita, dah kata kita ni bukan Firaun, tapi maha Firaun, dah meludah muka kita kata bukan perompak, tapi ketua perompak, (tapi) kenapa hari ni kita nak jilat balik.

"Dulu kita kata orang tu anti-Melayu, anti-Islam tapi hari ini pula kita nak bersekongkol dan bersubahat dengan orang yang sudah buat begitu sekali, mengutuk, mencera, godam, balun, henyak, hantuk, tibai, (tapi) hari ni kita nak duduk semeja dengan mereka, ini bererti bukan kita mempunyai prinsip moral politik," katanya.